



**KEMENTERIAN KEWANGAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan  
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000  
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207  
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 ( 66 )  
Tarikh : 24 Disember 2023  
Bersamaan : 8 Jamadilakhir 1445H

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab**

Ybgh. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Tuan,

**ARAHAN KERJA BIL.64 /2023/O : TERIMAAN YANG BELUM DIPERBANKAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Arahan Perbendaharaan 78(b), semua terimaan yang belum dimasukkan ke dalam Akaun Bank Kerajaan hendaklah dimasukkan pada hari kerja yang akhir dalam tempoh akaun bulanan atau dalam apa-apa tempoh akaun yang lebih singkat sebagaimana yang ditetapkan oleh Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri.

3. Sehubungan itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Terimaan hendaklah memperbankkan kutipan pada setiap hari dalam tempoh 26.12.2023 hingga 29.12.2023. Perkara ini perlu dilaksanakan bagi memastikan proses Penutupan Akaun Akhir Tahun berjalan dengan lancar.

4. Selain itu, Jabatan ini telah menerima pemulangan dari terimaan jenis kiriman wang disebabkan oleh kiriman wang tersebut telah digunakan sebelum ini. Bagi memastikan proses Penutupan Akaun Akhir Tahun berjalan dengan lancar, mohon PTJ untuk tidak menggunakan kiriman wang sebagai salah satu cara pembayaran bagi tempoh 26.12.2023 hingga 29.12.2023.

5. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pegawai di jabatan ini seperti Nurazimah Binti Mohd.Salleh atau Maizatul Afzan Bin Mohd Zin di talian 06-289 5077/5071.

6. Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"  
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"  
"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA(UK),C.A.(M))**  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Negeri Melaka.